

09/07/2002

Pemimpin Umno akur keputusan pelantikan TPM

KUALA LUMPUR, Isnin - Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata beliau akur dengan segala keputusan berhubung pemilihan Timbalan Perdana Menteri selepas peralihan kepemimpinan negara, Oktober tahun depan.

"Saya akur dengan keputusan pucuk pimpinan. Itu saja yang boleh saya katakan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bangkok, Thailand, semalam, bahawa Datuk Seri Najib Razak disebut sebagai Timbalan Perdana Menteri kerana Menteri Pertahanan itu adalah calon paling layak daripada aspek kekananan dan pengalaman dalam kerajaan.

Dr Mahathir berkata, soal sama ada beliau berlaku adil kepada orang lain atau sebaliknya, tidak timbul kerana tujuannya adalah memastikan proses peralihan kuasa sehingga Oktober tahun depan berjalan lancar.

Ini adalah kenyataan ketiga Dr Mahathir yang membayangkan Najib akan dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila Perdana Menteri melepaskan jawatannya Oktober tahun depan.

Sementara itu, Najib yang juga Naib Presiden Umno, yang ditemui di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini hari ini enggan membuat sebarang ulasan berhubung kenyataan Dr Mahathir itu.

Sambil tersenyum dan menggelengkan kepala, beliau berkata: "Tak apalah. Lain kalilah...bukan sekarang...bukan sekarang, terima kasih."

Di ALOR STAR, Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata Pemuda Umno tetap memberikan sokongan kepada sesiapa saja yang bakal dinamakan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Selain itu, katanya, Pemuda Umno juga menyokong sepenuhnya sesiapa saja yang dipilih oleh perwakilan Umno sebagai Timbalan Presiden Umno dalam perhimpunan agung parti akan datang.

Katanya, Pemuda Umno yang berpegang teguh kepada konsep demokrasi, tidak akan menafikan hak sesiapa saja yang dipilih oleh perwakilan Umno sebagai Timbalan Presiden Umno.

"Bagi Pemuda, perkara ini mudah saja. Yang akan menentukan Timbalan Perdana Menteri adalah Perdana Menteri..yang menentukan Timbalan Presiden adalah perwakilan Umno.

"Apabila keputusan ini dibuat, Pemuda akan menyokong dan merapatkan barisan, memberikan sokongan tidak berbelah bagi. Keputusan ini di luar bidang kuasa Pemuda. Cara kita dalam proses demokrasi macam itu, asalkan ia tidak menjejaskan proses yang tersusun.

"Kalau kita pegang kedua-dua konsep ini, tidak akan timbul pertikaian," katanya selepas merasmikan persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri, yang dihadiri pemimpin pelbagai pertubuhan belia di Wisma Darul Aman.